

**ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) 2008**

**PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE
(KEDAH DARUL AMAN) 2016**

Kelayakan sebagai Peguam Syarie

- 9.(1) Tertakluk kepada subperaturan (4) mana-mana orang yang memenuhi syarat yang berikut adalah layak untuk menjadi seorang Peguam Syarie:
- (a) seorang yang beragama islam;
 - (b) seorang warganegara Malaysia;
 - (c) berkelakuan baik dan tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah (di bawah undang-undang bertulis) bukan seorang yang bankrap atau tidak pernah didapati bersalah atas apa apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di dalam perenggan 33(a),(b),(c),(e),(f),(h),(k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967[Akta 360];
 - (d) tidak dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas kapasitinya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara.
 - (e) memiliki kelayakan akademik-
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Syariah dari mana-mana Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di dalam subperaturan (2); atau
 - (ii) seorang peguam bela dan peguam cara dan mempunyai diploma lepasan ijazah dalam bidang Undang-undang Syariah dan amalan dari mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan telah menjalani ltihan dalam kamar tidak kurang daripada tiga bulan; dan
 - (f) telah lulus ujian bertulis atau temuduga atau kedua-duanya sekali sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa
- (2) Penerimaan masuk mana-mana pemohon sebagai Peguam Syarie di bawah subperenggan (1)(e)(i) hendaklah tertakluk kepada syarat berikut:
- (a) jika seseorang itu memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia selain daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dia hendaklah juga memiliki-
 - (i) diploma dalam jurusan undang-undang pentadbiran kehakiman Islam daripada Universiti Islam Anatarabangsa Malaysia; atau
 - (ii) mana-mana diploma lepasan ijazah yang setaraf dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia; dan
 - (iii) telah tamat latihan dalam kamar selama sembilan bulan di mana-mana firma guaman syarie; dan